

25 FEB 2003

NAM-Malaysia (PBB)/I

M'SIA MAMPU TERAJUI PENYUBURAN SEMULA NAM

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yakin Malaysia sebagai sebuah negara Selatan yang berjaya, merupakan sebuah negara yang mampu menerajui usaha penyuburan semula Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

"Dan Malaysia menyelesaikan krisis (kewangan) menerusi kaedah sendiri dan ini bermakna (mereka) tidak dikuasai oleh pihak lain," kata Lakhdar Brahim yang mewakili Setiausaha Agung PBB Kofi Annan pada Sidang Kemuncak NAM ke-13 di sini.

Beliau berkata NAM mempunyai pembimbing yang berkebolehan kerana pengerusi barunya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan seorang pemimpin berkaliber dan dihormati oleh Dunia Ketiga.

Katanya, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan meneruskan usaha itu tanpa masalah apabila Dr Mahathir bersara Oktober ini.

Brahim berkata daripada pemerhatiannya, idea penyuburan semula NAM mendapat sambutan baik daripada semua 116 anggota pergerakan itu.

"Semua menyambut baik idea menyuburkan semula pergerakan yang kelihatan dorman selepas Perang Dingin berakhir," katanya.

Pada perkembangan lain, Brahim berkata sidang kemuncak NAM telah dianjurkan dengan baik walaupun ia membabitkan bilangan negara yang besar. NAM yang dianggotai 116 buah negara adalah pergerakan kedua besar selepas PBB.

"Malaysia berjaya melakukannya dengan baik...tema NAM iaitu Meneruskan Penyuburan Semula NAM juga sangat baik," katanya.

-- BERNAMA

MNY MAM JK MOZ